

08 OCT 2002

MUSTAPA-ASING

M'SIA BERPOTENSI UNTUK SYARIKAT ASING BUKA IBU PEJABAT OPERASI

KOTA BAHARU, 8 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil usaha yang lebih agresif untuk menarik lebih banyak syarikat asing menempatkan ibu pejabat operasi mereka di Malaysia.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan akan menggunakan sepenuhnya insentif cukai dan kelonggaran-kelonggaran lain sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 baru-baru ini, untuk menarik syarikat asing itu.

"Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia akan mengetuai usaha itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar memahami Malaysia sebagai sebuah negara Islam di sini, hari ini.

Bagi membincangkan perkara itu, Mustapa berkata satu perjumpaan diadakan semalam antara beliau dengan para pegawai Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Bank Negara dan wakil dari sektor swasta.

Beliau berkata setakat ini terdapat 56 syarikat asing yang telah membuka ibu pejabat operasi mereka di Malaysia dan jumlah itu terlalu kecil berbanding dengan potensi yang amat besar terdapat di negara ini.

Kerajaan telah memperbaiki lagi kemudahan kepada syarikat-syarikat asing bagi penubuhan ibu pejabat operasi mereka di negara ini dan apa yang disediakan kerajaan itu adalah yang terbaik di dunia, katanya.

Sebelum ini, katanya penubuhan ibu pejabat operasi itu dikenakan cukai pendapatan sebanyak 10 peratus untuk tempoh lima tahun dan boleh dilanjutkan lima tahun lagi.

"Sekarang ini tidak ada cukai selama 10 tahun...ini merupakan satu langkah yang amat baik," katanya.

Beliau berkata keadaan politik yang stabil, negara yang aman dan kehidupan rakyatnya yang harmoni telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang sesuai untuk syarikat-syarikat asing beroperasi dengan jayanya.

--BERNAMA

BD AA